

**SOALAN NO. 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]**

**TARIKH : 8 MAC 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pelajar yang terjejas ekoran tajaan biasiswa untuk program siswazah dan bursari Pra-Universiti tahun 2016 diberhentikan. Apakah piawaian yang digunakan untuk menentukan mana-mana kriteria pelajar yang harus dilucutkan peluang mereka bagi mendapatkan biasiswa tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pelajar yang terjejas memandangkan penajaan kepada kesemua pelajar lepasan Bursary diteruskan pada tahun ini bagi mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara. Penajaan pelajar lepasan Bursary diteruskan di dalam negara selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Pengubahsuaian Bajet pada 28 Januari 2016.

Sekian, terima kasih.